

# Bot pukat tunda ditahan

#M 13/1/2025 P9 17

**Kota Kinabalu:** Pasukan Polis Marin (PPM) menahan sebuah bot pukat tunda selepas disyaki menjalankan aktiviti penjualan diesel bersubsidi nelayan tanpa permit di kawasan laut Safma di sini, Jumaat lalu.

Bot pukat tunda itu ditahan oleh PPM Kota Kinabalu ketika membuat rondaan menggunakan bot ronda di kawasan berkenaan kira-kira jam 8 malam.

Komander PPM Wilayah Empat Sabah Asisten Komisioner Nazri Ibrahim

berkata, hasil pemeriksaan lanjut menemukan beberapa tangki yang diubah suai berisi diesel.

“Dua tangki minyak yang diubah suai dengan kapasiti 1,000 liter berisi diesel kira-kira 2,000 liter, manakala empat tangki minyak yang juga diubah suai dengan kapasiti 600 liter mempunyai diesel 2,400 liter.

“Dua lagi tangki minyak yang diubah suai ditemui dengan kapasiti 800 liter berisi minyak 1,600 liter,” katanya, semalam.